



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 27 September 2021

Bil.1(g)/2020

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:
**PEROLEHAN KAPAL PERONDA
GENERASI KEDUA TLDM**

- 1. Kementerian Pertahanan**
YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd. Aziz,
Ketua Setiausaha
- 2. Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.**
YBrs. Tuan Low Kok Chiang,
Ketua Pegawai Operasi

PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
ISNIN, 27 SEPTEMBER 2021**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Encik Dr. Mohd Daniel bin Mohd Nassir [Ketua Penolong Pengarah Audit]

Kementerian Kewangan (MOF)

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Cik Ng Seh Fern [Pegawai Siasatan(Bahagian Siasatan)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Peguam Negara**

Puan Maslinda @ Linda binti Mohd Ainal [Ketua Unit (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Lailatul Fadzillah binti Ideris [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA))]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Encik Khairil Wari bin Abd Rani [Timbalan Pengarah I (Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

SAKSI**Kementerian Pertahanan**

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

Puan Kogila Devi a/p Radakrishnan [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan)]

Encik Syahizwan bin Osman [Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan)]

Encik Mohamad Al Hafeez bin Mohd Shahrin [Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha]

Leftenan Kolonel Sazili bin Ghazali [Pembantu Ketenteraan kepada Ketua Setiausaha]

Encik Mohd Yussuf bin Ab Hassan [Pegawai Khas II]

Encik Mohammad Abiddin Bin Abd Rahman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan)]

Komander Norparidan bin Mat Noh [Pasukan Projek Littoral Combat Ship (LCS)]

Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.

Tuan Low Kok Chiang [Ketua Pegawai Operasi]

Encik Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program Littoral Combat Ship (LCS)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Isnin, 27 September 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.05 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: *Okay. I am calling the meeting to order.* Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Ahli-ahli PAC sekalian. Selamat datang juga saya ucapkan kepada ex-officio yang hadir dari AGC, JPA, JAN, MoF, SPRM, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi, JPM.

Pagi ini PAC Parlimen akan meneruskan prosiding kelima mengenai isu pembelian enam buah kapal *littoral combat ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bernilai RM9 bilion di bawah Kementerian Pertahanan (MinDef).

Izinkan saya untuk memberikan sedikit penerangan ringkas berhubung dengan isu ini memandangkan kali terakhir PAC mengadakan prosiding adalah pada 29 Julai 2021. Isu perolehan kapal LCS TLDM dilaporkan dalam LKAN 2019, Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan yang dibentangkan kepada PAC pada 5 November 2020.

PAC kemudian bersetuju memulakan prosiding berhubung isu ini dengan memanggil Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha MinDef pada 18 November 2020. Selepas mendengar Yang Berbahagia Dato' Sri KSU, PAC kemudian memanggil Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Ambrin Buang, Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) pada 1 Disember 2020 bagi membentangkan penemuan jawatankuasa berkenaan terhadap perolehan kapal LCS.

Selepas itu, PAC juga telah memanggil pasukan projek LCS pada 16 Disember 2020. Pada 29 Julai 2021 yang lepas, PAC telah mendengar penjelasan dan penerangan daripada Yang Berbahagia Jeneral Bersara Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar, Mantan Panglima Tentera Laut.

Jawatankuasa ini sebenarnya merancang untuk pergi ke Lumut, Perak bagi melihat sendiri perkembangan terkini. Namun, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan, lawatan kerja berkenaan tidak dapat diadakan. PAC juga sepatutnya pada minggu lepas memanggil Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada ketika itu

iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Namun, Yang Berhormat ada kes tersangkut di kes mahkamah dan PAC akan tetapkan satu tarikh yang lain untuk beliau sebelum kita masuk ke mesyuarat *housekeeping*.

Pada hari ini, hadir di hadapan PAC adalah Yang Berbahagia Dato' Sri Muez, KSU MinDef selaku pegawai pengawal kementerian. Terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Sri kerana hadir pada pagi ini, Yang Berbahagia Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi, TKSU Pembangunan MinDef, Yang Berusaha Tuan Low Kok Chiang, Ketua Pegawai Operasi Boustead Naval Shipyard dan Yang Berusaha Ir. Azhar bin Jumaat Pengarah Program BNS. Selamat datang kepada semua saksi dan saya percaya bahawa saksi-saksi sebelum ini pernah datang ke PAC.

Untuk pengetahuan semua Ahli-ahli mesyuarat, jawatankuasa ini sudah dimaklumkan bahawa pembekalan enam buah kapal LCS TLDM ini adalah perolehan yang terbesar TLDM bernilai RM9.128 bilion dan sehingga 28 Oktober 2020, kerajaan telah membayar sebanyak RM6.083 bilion. Tempoh pelaksanaan perolehan projek ini selama 10 tahun mulai 3 Oktober 2013 sehingga 2 Oktober 2023. TLDM sepatutnya menerima penyerahan kapal LCS 1 pada April 2019 tetapi setakat Oktober 2020, peratus penyiapan adalah sekitar 64 peratus dan diikuti dengan LCS 2 hingga enam yang lain.

■1110

Jadi tanpa membuang masa, eloklah kita teruskan prosiding pada pagi ini dengan menjemput Yang Berbahagia Dato' Sri KSU untuk memberikan perkembangan terkini mengenai pembinaan kapal LCS dan selepas itu pembentangan daripada wakil BNS. Dipersilakan Dato' Sri.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC yang lain dan semua yang hadir pada pagi ini. Untuk makluman Yang Berhormat, mungkin saya sikit mahu *share*kan, Yang Berhormat, beberapa perkembangan yang terkini tentang prestasi pembinaan kapal *littoral combat ship* ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan akan mengemukakanlah— Yang Berhormat, saya sudah maklumkan sebelum daripada ini yang kita telah mendapat keputusan daripada Jemaah Menteri. Kita sudah angkat pada bulan Mei dan saya rasa saya pernah maklumkan Yang Berhormat semasa *last* PAC iaitu berkaitan dari segi keputusan Jemaah Menteri yang telah memutuskan dan bersetuju bahawa kontrak perolehan yang— ini yang 5 Mei punya keputusan, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC yang lain. Jemaah Menteri telah memutuskan dan bersetuju bahawa kontrak perolehan LCS dengan Boustead Naval Shipyard (BNS) Sdn. Bhd. akan diteruskan tetapi bersama dengan satu entiti yang lain iaitu Boustead Technology Services Sdn. Bhd..

Maknanya, yang saya dimaklumkan, dia *fully owned by Boustead Heavy Industries Corporation*.

Rundingan dengan Boustead, atau kita panggil BTS Sdn. Bhd, namun begitu ianya masih tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewanganlah, Yang Berhormat. Ada juga *terms* ditulis di situ dalam keputusan tersebut. Selain itu, pihak Boustead Holding Berhad atau BNS perlu mematuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri sebelum kontrak ini diserahkan kepada BTS. Adalah beberapa *terms* di situ, untuk makluman Yang Berhormat.

Iaitu BTS atau Boustead Holding Berhad dapat membuktikan kepada kerajaan bahawa dana sebanyak RM4 bilion dapat dikumpulkan daripada pasaran dalam tempoh tiga bulan sebelum projek dapat diteruskan. Status pengumpulan dana ini juga hendaklah diangkat kepada Jemaah Menteri. Maknanya kena dimaklumkan juga semula kepada Jemaah Menteri *how the outcome*, macam mana status dana tersebutlah.

Harga bagi menyiapkan projek adalah tertakluk kepada semakan harga semula melalui Makmal Pengurusan Nilai. Maknanya adalah disebutkan dekat situ. Kos kontrak yang berbaki RM3.122 bilion— ada *balance* lagi, Yang Berhormat. *Totalnya*, Yang Berhormat, ada maklumkan tadi pada awal *is about RM9.128 billion*. Kerajaan sudah bayar sejumlah lebih kurang RM6 bilion dan ada baki lebih kurang RM3.122 bilion tidak akan digunakan untuk membayar *mobilisation fee* atau tunggakan hutang. Maknanya bukan untuk pembayaran hutang. Siling kekal digunakan untuk membayar tuntutan bayaran berdasarkan pencapaian kemajuan projek yang akan ditetapkan nanti. Itu baik untuk *progress-progress* seperti yang terkandung di dalam kontraklah. Detil *design* hendaklah disiapkan dan dimuktamadkan selewat-lewatnya sebelum atau pada Januari 2022. Itu pun Yang Berhormat sedia maklum.

BTS, iaitu satu entiti yang mendapat persetujuan Jemaah Menteri itu, perlu bersetuju bayaran dibuat terus oleh kerajaan kepada OEM atau subkontraktor yang dinamakan dalam kontrak. Maknanya kerajaan bayar terus, bukan bayar kepada pihak BNS atau BTS tersebutlah.

Mempertimbangkan kontrak *in service support* LCS kumpulan pertama sahaja untuk tempoh selama tiga tahun tertakluk kepada kelulusan— ada syarat juga, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tertakluk kepada keputusan Kementerian Kewangan.

Seterusnya, rundingan harga berdasarkan anggaran harga jabatan. Boustead Holding Berhad perlu menyelesaikan semua isu terhadap *Boustead Holding Heavy Industries Corporation* dan BNS sebelum ia diklasifikasikan di bawah

PN17 oleh Bursa Malaysia. Maknanya dia kena selesaikan isu-isu tersebut. Kementerian telah memaklumkan...

Tuan Pengerusi: Apa maksud PN17, Dato' Sri? Apa maksud PN17?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: PN17 ini syarikat yang bermasalah di bawah Bursa Saham, Tuan Pengerusi, dipanggil PN17. Itu yang kita tak hendak—magnanya kalau isu ini berterusan, kemungkinan besar syarikat ini akan *categorised*-kan sebagai PN17.

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, tadi Dato' Sri ada sebut berkenaan dengan rundingan harga akan dilaksanakan oleh kerajaan. Apa maksud itu? Rundingan harga yang mana satu?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Rundingan harga itu maksudnya, Tuan Pengerusi, kalau sudah *finalised everything* ini kalau dari segi hendak *way forward* itu, Yang Berhormat, kita akan tengok semula kerana kita akan runding dengan pihak BTS pasal kerajaan— *instead of BNS*, dia akan ada entiti baru yang *diproposed* awalnya sebelum ini hasil perbincangan kita dengan Boustead, kita sudah *came out* dengan keputusan Jemaah Menteri pada 5 Mei menyatakan dengan BTS, dia kata. *So, anything* nanti, mungkin untuk makluman Yang Berhormat, akan dirunding semula. Program ini macam *direct nego* punya *job* lah dengan satu entitilah.

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, sebelum ini kita telah difahamkan jumlah kos sebanyak RM9.128 bilion itu akan kekal dan tidak akan berubah.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: So, tadi bila kita bincang berkenaan rundingan harga, rundingan harga dari segi apa itu? Apa lagi yang perlu dirundingkan?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Betul. Maksud di situ, Tuan Pengerusi, ialah sekarang kapal ini ia ada *total* enam kapal, selepas itu sekarang dengan keadaan yang macam agak terbengkalai, Tuan Pengerusi kan, *of course* dalam bila kita *came out* dengan *new contract* misal kata dengan pihak BTS dalam situasi ini, kalau semua berjalan lancar, *of course* dalam itu dia akan ada VM Lab semula, *value* itu semulalah. Siling itu bukan maksud *value* untuk— siling itu masih lagi dalam *capping* yang sama tetapi dari segi *terms* dan sebagainya itu hendak *way forward* itulah, Tuan Pengerusi, hendak menyiapkan kapal ini...

Tuan Pengerusi: So, apa yang penting bagi PAC, Dato' Sri...

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ha?

Tuan Pengerusi: Apa yang penting bagi kita untuk tahu, siling itu RM9.128 bilion, ia akan berubah tak? Akan ditambah tak untuk pihak BTS menyiapkan projek ini?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Setakat ini kita masih kekal, Tuan Pengerusi. Kekal.

Tuan Pengerusi: Okey. Tetapi rundingan harga itu untuk harga sebenar di bawah RM9.128 bilion ataupun rundingan berkenaan dengan sama ada hendak meningkatkan siling itu?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Oh, tidak. Dengan siling yang sama. Hargalah...

Tuan Pengerusi: Rundingan harga tetapi dengan siling yang sama?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Sama.

Tuan Pengerusi: Setakat ini?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Yes, tetap sama.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Kerajaan tidak ada komitmen untuk menambah kos.

Tuan Pengerusi: Itu penting.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Itu penting, Tuan Pengerusi ya, tetapi *terms* itulah merundingkan semula— pasal kita dengan entiti barulah, Tuan Pengerusi, dengan BTS walaupun *100 percent owned by BNS*, Tuan Pengerusi. *Make sure* itu, memang kita mengatakan itu kerajaan tidak ada pertambahan siling, tidak ada bayaran dan ada *balance* itu pun untuk kegunaan menyiapkan kapal sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, Dato' Sri, satu soalan lagi berkenaan dengan *detailed design*.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Itu *step* yang pertamalah yang perlu diambil dan diselesaikan dan *detailed design* ini telah pun disebut oleh Dato' Sri pada bulan Julai yang lepas.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Ini merupakan keputusan Kabinet pada bulan Mei.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, 5 Mei.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tanya, dalam konteks ini, sama ada pihak MINDEF dengan BTS ada satu jawatankuasa pemandu ataupun *select committee* untuk memastikan kesemua *progress-progress* dia? Ada tak?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Betul, Tuan Pengerusi, kita sudah tubuhkan satu *team*, Tuan Pengerusi, jawatankuasa teknikal berkaitan pemantauan yang diketuai saya punya Timbalan TKSU MINDEF, Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji. Ada bersama saya jugalah hari ini, Yang Berhormat ya.

Tuan Pengerusi: So, ada ya?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ada.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Sudah ditubuhkan, Tuan Pengerusi, bersama dengan *team* projek daripada Navy dan juga Boustead dan Kementerian Kewangan dan sebagainya. Adalah detil itu, Tuan Pengerusi. Memang sudah ada ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey.

■1120

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Untuk makluman juga Yang Berhormat, suka saya hendak *share* di sini ialah kementerian telah memaklumkan secara rasmi kepada Boustead Holdings Berhad pada 14 Jun. Saya sendiri telah hantarkan surat apa-apa keputusan Yang Berhormat daripada susulan daripada keputusan Jemaah Menteri tersebut. Berkaitan keputusan Jemaah Menteri. Pada 18 Jun 2021, Boustead Holdings Berhad telah membentangkan hala tuju berkaitan perolehan ini kepada Kementerian Pertahanan serta Kementerian Kewangan. Maknanya respons itu tadi Yang Berhormat ada juga kita ada buat sesi juga *engagement* Boustead bersama MINDEF dan juga bersama dengan Kementerian Kewangan berhubung perkara ini. Secara dasarnya, pihak Boustead Holdings Berhad (BHB) bersetuju dengan keputusan Jemaah Menteri. Walau bagaimanapun, ada walau bagaimanapun itu ada lagi ya Yang Berhormat. Yang Berhormat Lumut pun senyum sahaja itu, Yang Berhormat Lumut ya. Adalah terdapat beberapa cadangan penambahbaikan oleh BHB seperti berikut. Boleh saya *share* juga Yang Berhormat Lumut iaitu dana RM4 bilion. Itu isu dana saya *mentioned* itu tadi. Sejumlah RM4 billion *have to come out within* tiga bulan, Yang Berhormat. Betul Yang Berhormat *statement* saya tadi? *Three months*.

BHB bersetuju namun tertakluk kepada cadangan *REX granted* daripada kerajaan. Ada syarat juga.

Tuan Pengerusi: Apa maksud *REX granted*?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *REX granted* ini Yang Berhormat macam ada beberapa *jobs*. Maknanya kerajaan mesti bagi pada Boustead. Macam ada dia hendak *something*. Maknanya, *maintenance* kapal ini kah nanti secara umumnya Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Betul.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *In order for them to raise their funds* itu *for at least* ada *something* ada ialah itu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Fund* ini tidak masuk sukuk kah atau bon ya— bukan?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Bukan Yang Berhormat. Kita tidak ada makluman kan dekat sini Yang Berhormat. *How* hendak *waived* kan RM4 bilion itu? Dah la *waived* tetapi ada— Tidak apa dahulu. *Let me finished* dahulu ya. *[Disampuk]*

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Dato' Seri.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Cara *REX granted* daripada kerajaan.

Puan Wong Shu Qi: Dato' Seri. Tuan Pengerusi boleh saya.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Boleh, boleh.

Puan Wong Shu Qi: Dato' Seri boleh saya *clarify* sedikit iaitu kerajaan setuju untuk membantu Boustead *raised fund* dari pasaran. Justeru, kerajaan perlu bagi komitmen supaya bagi *job* pada masa depan supaya mereka akan dapat *job* lagi dari kerajaan dan dapat *raised fund* dari pasaran. Betul? Itu apa yang dikatakan tadi?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya. Fasal apa Yang Berhormat dalam keputusan Jemaah Menteri pada 5 Mei itu pun kita dah ada maklumkan dekat situ juga, Yang Berhormat ya. "*Mempertimbangkan contract in service support*". Kapal itu sudah siap nanti dia akan *maintain*. *It is a bit of maintenance dan servis kapal* tersebut. Kapal tersebut kena diservis Yang Berhormat. Dia sampai satu *term* dia kena kapal., macam kita punya kapal *submarine* juga lah. *At sometimes* dah *due* itu macam kereta juga lah Yang Berhormat. Sampai setahun mesti ada servis tukar *parts* dan sebagainya, *in service support*. ACS komponen pertama sahaja untuk tempoh tiga tahun. Ada dimaklumkan dalam itu. Contohnya, begitulah Yang Berhormat. Maknanya, ada *REX granted direct* bukan pihak lain kepada Boustead, BTS kah untuk *maintain ships* itu, Yang Berhormat. Supaya dia hendak *sure-ty* dekat situlah. Ada *something in order* dia hendak *raised fund* itu Yang Berhormat kan? Fasal amaun ini tidak sikit Yang Berhormat. Fasal *government* tidak tolong yang itu. *The RM4 billion* itu bukan hendak tolong Boustead. Ini kerana yang *balance* itu hendak menyiapkan kapal. Bukannya hendak *settle* hutang, *settle all these things* lah Yang Berhormat. Dia punya itu. *It is not fair* pada *government*. *Government won't do that* Yang Berhormat kan?

Cadangan MINDEF pun tidak termasuk untuk membantu selesai hutang kah. Tidak ada timbul Yang Berhormat. Walaupun dia begitu, *they have to raise their own funds*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Saya hendak tanya sikit. Dato' *it looks like* BTS ataupun BNS memohon projek masa depan lah untuk menampung projek sekarang.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi, apa masa depan projek-projek yang akan datang itu kalau duitnya sudah dibelanjakan di sini macam mana dia hendak buat misalnya kontrak untuk *supply* untuk pembaikan itu ya. Kalau sudah ada peruntukan macam mana dia hendak—.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Yang Berhormat, peruntukan itu memang tidak ada lah lagi Yang Berhormat. Dia kena *first* sekali siapkan kapal dahulu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Itu yang penting.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Mungkin ada. Okey, selepas itu kapal itu perlu akan di-*maintain*. So, kita *all those things meeting* nanti BTS yang akan melaksanakan lah apa benda itu nanti. Aset-aset ini mesti ada *maintenance* Yang Berhormat ya macam mana pun nanti.

Tuan Pengerusi: Okey, Dato' Seri. Dato' Seri, secara ringkas apabila saya perhatikan pembentangan Dato' Seri pada bulan Julai yang lepas ada dikatakan bahawa tiga tahun itu adalah untuk *in-service support* dan pada 16 Jun, Dato' Seri telah pun memaklumkan kepada BTS ataupun BNS dan memberikan masa tiga bulan untuk mengemukakan bukti bahawa BTS mampu untuk *raised* sejumlah RM4 bilion dan sekarang *just nice*-lah. Sekarang baru tiga bulan sudah berlepas. Apakah status sekarang? So, sama ada pihak BTS telah berjaya mengemukakan bukti berkenaan dengan pengumpulan dana sejumlah RM4 bilion itu ataupun tidak?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Setakat ini Yang Berhormat, okey Yang Berhormat setakat yang dimaklumkan hasil pengetahuan sayalah belum lagi Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Tetapi masa tempoh masa tiga bulan diberikan masa itu. Tiga bulan telah pun tamatlah.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya. Sepatutnya daripada tarikh surat saya itu bukan ya 14 Jun saya keluarkan surat itu. Pada 14 Jun itu. Jun, Julai—. [*Disampuk*]

Tuan Pengerusi: *Anyone from BTS or BNS can answer this?*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Bolehkah, setakat ini tidak dimaklumkan pada saya lah Yang Berhormat yang RM4 bilion itu.

Tuan Pengerusi: Ya. Silakan.

Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program Littoral Combat Ship (LCS)]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Saya Encik Azhar bin Jumaat, Pengarah Program LCS bagi pihak syarikat BNS. Saya sahkan di sini memang pihak Boustead masih belum dapat memberikan bukti yang dana RM4 bilion itu akan dapat disediakan dalam tempoh tiga bulan yang lepas. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, so dari segi MINDEF untuk mengelakkan kelewatan yang apa kata *the repeated delay* ya. So, *I think MINDEF has to do something with BNS* lah. So, *I leave it to you on that*. Yang Berhormat Kluang ada soalan lagi? Jika tidak saya minta Dato' Seri. Dato' Seri boleh teruskan.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Akan tetapi, saya sudah maklumkan pada, untuk makluman Yang Berhormat pada 18 Jun— Boustead Holdings telah membentangkan hala tuju. Maknanya, selepas daripada keputusan Jemaah Menteri

tersebut dalam anggaran lebih kurang 18 Jun kita ada perbincangan juga untuk Yang Berhormat ya antara Kementerian Kewangan, Boustead, MINDEF dan sebagainya. Apa yang saya nyatakan tadi terdapat beberapa cadangan penambahbaikan iaitu dana RM4 bilion yang *REX granted*. Boustead Holdings Berhad bersetuju kos kontrak berbaki RM30 bilion tidak akan digunakan. *I just repeat* balik ya Yang Berhormat. Bukan digunakan *balance* itu untuk membayar *mobilisation fees* atau tunggakan hutang yang saya maklumkan tadi.

Selepas itu, Boustead Holdings juga akan memaklumkan Naval Group yang *detailed design* ini, *owned by* Naval Group. Memerlukan minimum dikatakan 12 bulan dari tarikh bayaran yang dibuat untuk menyiapkan *detailed design*. Maknanya, kita *first* tadi kata pada Januari. Mungkin mohon di-*extend*-kan menjadikan 12 bulan. Bersetuju pembayaran dibuat terus kepada OEM. *No problem*. Seperti ketetapan tersebut. *Contract in support service*. Boustead mencadangkan kerajaan memberikan *REX granted*. Saya hendak *repeat* baliklah yang *rex granted* tadilah bagi perolehan *Littoral Combat Ship* dan *Littoral Mission Ship* bagi menampung kerugian sebanyak [*Tidak jelas*] susulan cadangan daripada Ernst and Young. Perkara ini perlu bagi mengelak atau disenaraikan dalam PN17. Itu *REX granted* tadilah Yang Berhormat. Akan tetapi, benda itu tidak ada *finalize*-kan lagi ke detil untuk pembinaan kapal *in the future project* seperti yang kita dah *maintenance* dan sebagainya itu. Ada lah disebut dalam perbincangan tersebut.

Boustead juga memohon pihak kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan *waiver* denda lewat macam LD itu lah, LED. Terhadap keseluruhan kapal sebanyak— kalau ikut seluruhnya sejumlah RM1.08 bilion, Yang Berhormat ya. Serta dapat memulangkan semula RM77 juta. Kita dah *collect* dah untuk kapal LCS1. Kita ada sudah ambil yang kelewatan tersebut.

■1130

Perkara ini bagi mengelakkan macam PN17 itu jugalah Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kita dah *collect* denda lewat tersebut.

Selepas itu, kementerian telah mengangkat semula cadangan hala tuju kontrak. Kita angkat juga kepada MoF dan MoF telah menjawab supaya perkara-perkara ini Yang Berhormat, yang di luar keputusan daripada 5 Mei tersebut sekiranya perlu dipertimbangkan dan sebagainya, kena diangkat semula kepada Jemaah Menteri. Tidak boleh hendak diputuskan.

Jadi, hasil perbincangan itu tidak ada apa-apa keputusan. *Just* saya nak maklumkan, ada perbincangan tersebut, selepas itu kita akan angkat semula keperluan dengan adanya perubahan pula Kabinet yang baharu dan sebagainya ini, saya kena maklumkan semua hala tuju macam manalah Yang Berhormat, kepada – sekarang Yang Berhormat Menteri pun sudah baharu Yang Berhormat kan, kena

brief properly balik macam mana kaedah yang terbaik. Akan tetapi MoF, saya dah ada terima surat daripada satu MoF yang menyatakannya supaya sekiranya ada cadangan-cadangan yang lain itu, kena diputuskan oleh Jemaah Menteri. *To my team* sekarang Yang Berhormat, dengan jawatankuasa yang ada itu, sedang menyelaraskan perkara ini. *What is the best* kaedah yang terbaik untuk kita *way forward* lagi Yang Berhormat. Perlukah saya angkat ke Jemaah Menteri lagikah dan sebagainya atau *proceed whatever* keputusan tersebut Yang Berhormat.

Jadi, jawatankuasa berbalik pada Yang Berhormat tanya tadi, memang sudah ada Jawatankuasa Teknikal LCS yang telah ditubuhkan pada 2 Julai. Itu pun kita sudah tubuhkan Yang Berhormat ya, yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan iaitu Yang Berbahagia Datuk Haji Ruji. Timbalan Pengerusi adalah ketua *team* pasukan projek. Ada ahli tetap, wakil Bahagian Perolehan, Undang-undang, Induksi Pertahanan, Pembangunan dan sebagainya Yang Berhormat.

Kementerian akan mengangkat semula hala tuju baharu kepada Jemaah Menteri sekiranya perlu dengan pelan tindakan yang dipersetujui oleh Menteri yang baharu. Yang Berhormat, sekarang kita dah ada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein yang baru mengeluarkan – selepas itu, kita akan mengeluarkan *notice of breach* seperti yang termaktub dalam kontrak perolehan LCS bagi menjamin kepentingan kerajaan. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan oleh pihak kementerian perlu memperhalus cadangan BHP serta mendapat ulasan daripada pemegang taruh, *stakeholders* dan sebagainya.

Itu sahaja yang saya hendak maklumkan Yang Berhormat ya, sebelum diangkat. Ini yang dalam proses sekarang itulah Yang Berhormat ya, dengan *engagement* dengan *team* itu sedang berjalan. Kalau ada keperluan untuk diangkat semula, kita pun – *our team* sedang memperhalus perkara-perkara tersebut Yang Berhormat, untuk *way forward* selanjutnya Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Itu sahajalah yang saya nak maklumkan sedikit Yang Berhormat tentang hala tuju.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Minta bertanya sikit, Jawatankuasa Teknikal yang telah ditubuhkan ini sejak Julai 14 itu, telah berapa kali bermesyuarat dan apakah perkara yang telah dikemukakan kepada kementerian? Adakah mereka sudah mengatakan bahawa perlu bawa semula ke Kabinetkah?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Belum ada keputusan lagi Yang Berhormat. Beberapa siri mesyuarat memang sedang berjalan, jawatankuasa tersebut dan saya

masih belum dapat - Datuk Haji Ruji pun belum *submit* kepada saya. Akan tetapi saya dimaklumkan perbincangan itu sedang berjalan Yang Berhormat, selepas itu barulah kita akan putuskan untuk makluman Yang Berhormat yang akan datang, sama ada ada keperluan untuk dibawa semula kepada Kabinet. Akan tetapi masa ada perbincangan bersama MoF Yang Berhormat, ada saya maklumkan tadi, MoF ada mencadangkan sekiranya keperluan pihak MinDef kena sediakan Kertas Jemaah Menteri semula Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih Dato' Sri. So...

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Sudah *settle* ya *update*? Sudah siap ya pembentangan dari Dato' Sri? *[Disampuk]* So mungkin saya menjemput pihak *Programme Management Office* BNS untuk memberikan pembentangan. Saya minta saksi, saya nampak ada slaid yang disediakan oleh pihak BNS. Bahagian pertama saya nampak adalah lebih kepada latar belakang, mungkin dari poin itu kita boleh percepatkan sikit untuk saksi. Mungkin nanti kita boleh *shoot to the point* dan fokus kepada enam FAQ yang telah pun disediakan. So, saya menjemput saksi untuk memulakan pembentangan pada pagi ini.

Tuan Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program Littoral Combat Ship (LCS), Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Wong selaku Pengerusi PAC. Saya Azhar Jumaat, Pengarah Program bagi pihak syarikat BNS akan memberikan sedikit penerangan daripada perspektif pihak syarikat Yang Berhormat.

Sukacita juga saya maklumkan di sini bahawa ini adalah pertama kali di mana pihak syarikat dipanggil untuk memberi penerangan dan penjelasan terhadap status dan isu-isu yang timbul di dalam kontrak perolehan LCS ini. Sebagaimana yang telah diperjelaskan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, KSU MinDef. Perkara ini telah sampai satu tahap yang mana berada di rundingan peringkat akhir di antara pihak BNS yang diwakili oleh pemegang saham kami yang terbesar iaitu Boustead Group dan juga pihak Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Kewangan.

Dalam menjangkakan persoalan-persoalan yang telah timbul, pihak kami telah cuba menyediakan beberapa soalan lazim yang pernah dibangkitkan berhubung projek ini yang perlu diperjelaskan oleh pihak syarikat. Dengan itu, saya mohon izin untuk forum pada pagi ini Yang Berhormat, untuk terus pergi kepada elemen tersebut. Ini kerana yang lainnya banyak berkisar kepada latar belakang projek di mana saya rasa semua sudah sedia maklum Yang Berhormat. Izin? Ya.

Okey. Soalan lazim yang pertama yang cuba kami perjelaskan dan jawab di sini ialah berdasarkan apa yang telah kami kumpulkan daripada perbincangan dan

juga *engagement* di media massa dan juga persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh pihak masyarakat umum iaitu soalan utamanya, kenapa – maaf Yang Berhormat, soalan ini disediakan dalam bahasa Inggeris, saya cuba sebaik mungkin untuk perjelaskannya dalam bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ya, boleh.

Ir. Azhar bin Jumaat: Dengan izin, saya akan cuba memberi penjelasan dalam bahasa Malaysia. Kenapa tidak ada satu kapal pun yang disiapkan walaupun sejumlah wang RM6 bilion telah dibayar oleh pihak kerajaan? Justeru, pihak syarikat cuba untuk memperjelaskan di sini bahawa pembayaran berjadual adalah berdasarkan kepada reka bentuk yang perlu di-*customize*-kan dan juga melalui strategi pembuatan kapal secara berlangsung bersama di mana keenam-enam kapal telah dibina di Lumut secara *concurrent* atau pun sekali harung Yang Berhormat. Buat masa ini, lima kapal sedang berada dalam fasa pembinaan di dalam berbagai-bagai kemajuan. Mengikut jadual kontrak dan juga jadual pembayaran, tidak ada lagi kapal yang sebenarnya sudah berada dalam fasa atau pun *stage full delivery*. Tidak ada. Izinkan saya jelaskan melalui carta itu selepas ini.

■1140

Kenapa *design customization* ini? Ianya dibuat begitu kerana pihak pengguna kita iaitu TLDM mempunyai keperluan-keperluan operasi yang khusus yang perlu di-*customize*-kan reka bentuk secara khusus untuk keperluan TLDM. Jadi, tidak ada reka bentuk kapal ini diambil daripada *available* reka bentuk. Jadi, kapal yang diperlukan oleh TLDM ini tidak ada sama dengan apa-apa kapal yang telah dibina untuk tentera-tentera laut yang lain. Jadi, proses *customization* reka bentuk ini mengambil masa.

Then, concurrent build pembuatan kapal secara sekali gus ini juga adalah kerana keperluan operasi TLDM di mana mereka perlukan setiap kapal disiapkan selang 10 bulan antara satu kapal dengan yang lain. Jikalau kita buat satu kapal sahaja hendak siapkan, ini mungkin mengambil 48 bulan dan kita akan mendapat kapal seterusnya yang kedua 48 bulan kemudianlah. Jadi, itu tidak diperlukan. Jadi kita membuat pembinaan secara dikatakan bersama atau *concurrent*. Begitu juga *concurrent build* ini adalah untuk mengoptimumkan keperluan sumber manusia, fasiliti dan juga sumberlah.

Oleh sebab *design and build approach* ini, RM3 bilion daripada RM6 bilion yang telah dibayar oleh pihak kerajaan adalah untuk elemen-elemen *design right* dan kerja-kerja reka bentuk infrastruktur, kejuruteraan dari segi *software* dan *hardware*, sistem *modelling*...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Boleh sekejap mencelah?

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Ya, berkenaan dengan *design customization* ini, saya hendak tanya. Kalau kita hendak buat sesuatu *design*, dia mestilah sekurang-kurangnya adalah ataupun kalau tidak melebihi daripada apa yang ada di pasaran, saya rasa itu tidak akan menyebabkan kelambatan benda-benda seperti ini. Betul atau tidak? Maksudnya kalau kita hendak membuat *design* itu, biarlah kalau tidak pun setara dengan orang lain itu, sekurang-kurangnya sama. Ertinya, kita tidaklah melebihi daripada apa yang akan di-*design* untuk negara-negara lain. Akan tetapi kalau kita hendak membuat lebih daripada negara-negara lain, bererti inilah yang akan terjadi. Terima kasih.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, untuk menjawab persoalan Yang Berhormat tadi, ia tidak. *Design* yang diperlukan oleh pihak TLDM untuk kapal ini adalah setara dengan standard-standard yang ada digunakan oleh pihak NATO dan juga *defense standards* di Eropah. Jadinya, tidaklah satu keperluan melebihi daripada kebiasaan yang diperlukan oleh tentera-tentera laut negara maju yang lain. So, ia setara. Bukannya ia melebihi atau sesuatu yang orang kata *over and above*. So, isu itu tidak timbul, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Jadi kalau kiranya ia setara, bererti kita sudah ada *available design* yang boleh kita ikut daripada tempat-tempat dan daripada negara lain. Maksudnya, ya lah, tidaklah kata orang yang menyebabkan terkapai-kapai hendak mencari menyebabkan kita *design* tidak siap disebabkan oleh ada yang tidak diperlukan, ada yang diperlukan tetapi tidak ada di pasaran, macam itu. Itu yang kita menyebabkan benda ini lambat.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Betul, Yang Berhormat. Kita tidak nafikan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu. Saya mohon izin untuk saya menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu pada *slide-slide* yang berikutnya. Mohon.

So, sebagai penjelasan, kita ada mempunyai isu pertukaran peralatan di dalam proses reka bentuk kapal ini di mana pertukaran peralatan itu diperlukan setelah kita berada di dalam fasa *detailed design* selepas lebih kurang 45 bulan kita mulakan reka bentuk. Jadi, bila keperluan pertukaran peralatan ini timbul, proses reka bentuk itu terpaksa diulang semula untuk membolehkan pertukaran peralatan dan sistem itu dimasukkan semula ke dalam reka bentuk asal kapal.

Itu satu perkara yang kita cuba perjelaskan di sini yang ada memberi serba sedikit kepada impak kelewatan dalam kita untuk memuktamadkan reka bentuk kapal, Yang Berhormat. Bukan isu kita cuba membuat sesuatu yang lebih daripada kebiasaan atau norma yang ada di pasaran. Tidak. Saya harap itu memberi sikit gambaran sebagai penjelasan saya.

Seterusnya, jika kita lihat kepada struktur pembayaran yang telah ditetapkan dalam kontrak di mana pembayaran berjadual untuk projek ini ada berlandaskan kepada elemen-elemen seperti yang dipaparkan iaitu lebih kurang tujuh elemen utama. Elemen pertama ialah yang kita panggil elemen global yang diguna pakai secara menyeluruh untuk proses-proses guna sama atau proses umum iaitu reka bentuk, proses kejuruteraan, *trial, modelling and everything*.

Seterusnya adalah untuk setiap elemen kapal itu— LS1, LS2, LS3, LS4, LS5 dan juga LS6— ianya mempunyai *milestone* ataupun perbatuan pembayaran yang tersendiri yang dibayar mengikut apa yang telah disiapkan oleh pihak syarikat. So, daripada segi jadual ini, apa yang cuba pihak syarikat perelaskan di sini adalah daripada RM6 bilion yang telah dibayar oleh pihak kerajaan, RM3 bilion tersebut adalah dibayar *attributed* kepada elemen-elemen aspek *design* yang berjumlah lebih kurang RM3 bilion. Selebihnya adalah untuk pembayaran setiap kemajuan setiap kapal berdasarkan apa yang telah disiapkan di lapangan ataupun di limbungan.

Kalau kita tengok, memang proses *design* telah dibayar hampir habis RM3 bilion dan selebihnya hanya dibayar secara berkala mengikut kemajuan yang dicapai oleh pihak syarikat di limbungan. Jadi, tiada isu di mana pembayaran telah dibuat lebih oleh pihak KEMENTAH atau MINDEF kepada pihak syarikat tanpa mengambil kira *commensurate to the*, orang kata, yang berpadan dengan kemajuan yang telah dicapai oleh pihak syarikat untuk setiap elemen-elemen yang ditetapkan. Ini adalah berpandukan dan juga berasaskan kepada jadual kontrak.

Itu adalah yang cuba kita perelaskan di sini untuk menjawab atau memperjelaskan salah satu soalan-soalan lazim yang dibangkitkan di mana kenapa tidak ada satu kapal pun dapat disiapkan walaupun sejumlah RM6 bilion telah dibayar. So, itu penjelasan daripada pihak syarikat.

Tuan Pengerusi: Ya, Ir. Azhar. Ada dua soalan daripada saya. *Number* satu, tadi Ir. ada kata berkenaan dengan proses *design customization*.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Itu mengambil masa dan juga menyebabkan kelewatan dalam projek ini. So, soalan saya, apabila perjanjian dimuktamadkan di antara BNS dengan pihak MINDEF ataupun kerajaan, sudah tentulah pada masa itu suatu tempoh masa telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan sudah tentulah pada masa itu kedua-dua pihak sudah tahu bagaimana projek ini boleh akan melibatkan *design customization* seperti yang dinyatakan. So, bagaimana itu boleh dijadikan satu alasan yang menyebabkan kelewatan dalam *progress project* ini? Ini nombor satu.

Nombor dua, *the key issue* yang dibangkitkan oleh Tan Sri Ambrin Buang dalam laporan jawatankuasa beliau dan juga dibangkitkan oleh Mantan Panglima TLDM, Tan Sri Abdul Aziz yang mana dalam pemilihan reka bentuk kapal, kami

dimaklumkan bahawa TLDM memang sepanjang masa ini mahukan reka bentuk SIGMA yang *is a proven design worldwide* dan itu merupakan *preference* daripada TLDM.

■1150

Kami dimaklumkan bahawa TLDM memang sepanjang masa ini mahukan reka bentuk SIGMA yang telah pun – *it's a proven design worldwide* dan itu merupakan *preference* daripada TLDM. Akan tetapi pada akhirnya reka bentuk Gowind telah pun dipilih dan kami dimaklumkan bahawa reka bentuk Gowind ini adalah cadangan dan juga pilihan daripada BNS. So, apakah penjelasan daripada BNS dalam perkara ini. So, dua soalan daripada saya.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Berhubung dengan soalan yang pertama Yang Berhormat, saya tidak mengatakan – saya mohon pecahan di sini ialah saya tidak menyatakan bahawa keperluan *design customization* itu telah menyebabkan kelewatan kapal. *Design customization* itu saya nyatakan di sini ia telah diambil kira dan dipersetujui dalam kontrak oleh pihak syarikat berdasarkan suatu tempoh masa yang dipersetujui bersama dan merupakan satu komitmen kontrak. Cuma saya jelaskan di sini, *design customization* ini adalah satu keperluan pengguna iaitu TLDM di mana kita tidak boleh melihat *design* kapal ini yang kita dapatkan secara daripada *readily available off the shelf design*. Tidak. Ia diambil satu *design* asas dan ia nya diolah dan di-*customize*-kan mengikut keperluan pelanggan iaitu TLDM.

Jadi isu *design customization* tidak menjurus kepada kelewatan, cuma saya hendak jelaskan ialah ini bukan satu proses di mana kita ambil satu reka bentuk yang sudah sedia ada dan kita terus buat kapal. Tidak. *That's why* itu yang mengambil masa sedikit dan masa itu telah dipersetujui bersama dan ditetapkan dalam satu komitmen kontrak antara pihak syarikat dan juga kerajaan.

Tuan Pengerusi: Ya, ...Ingenieur memang betul itu merupakan komitmen yang telah pun kedua-dua pihak bersetuju dengan *design* yang sedia ada ini berapa lama jangka masa yang diperlukan. So, itu penjelasan yang tadi saya nak dapatkan pengesahan daripada Ingenieur. lah. Memang jelas *this is not part of the factors that contributed to the delay*. So, dari pembentangan pihak BNS, saya juga minta supaya pihak BNS lebih jelas kerana sekiranya sebelum Ingenieur jawab soalan kedua tadi ya, tengok slaid yang kita ada. Kita ada yang di bawah itu macam matahari itu.

"No LCS has been paid in full, does no ship delivery". Di sini macam memberikan satu gambaran kerana kerajaan sudah bayar habis, so tidak ada kapal lah. So, *from what I* – dari apa yang saya baca di sini memang saya diberi satu gambaran sebegitu. So, saya berharap BNS *in your presentation can be more careful on this*. Jika kerajaan kata, *okay look now I can pay you LCS 1 and LCS 2 next month. Can you deliver it next month or not, for sure cannot. So, it shouldn't be written like*

that. So, that is my view unless BNS has some other explanation over issue yang saya bangkitkan tadi lah. Okey. Tapi yang lebih penting soalan kedua tadi berkenaan dengan sigma dan juga Gowind. Sila.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Pemilihan reka bentuk kapal yang telah dipersetujui bersama dari kontrak itu, saya tidak dapat atau berada dalam satu *position* untuk komen Yang Berhormat kerana saya pun masuk pertengahan projek ini. Saya pun maklum yang cadangan asal daripada pihak TLDM adalah untuk reka bentuk sigma tetapi telah dibalas sebagai cadangan balas oleh pihak BNS untuk memilih reka bentuk Gowind daripada pihak Perancis.

Justeru, apakah pertimbangan dan sebab musabab yang membuatkan kerajaan bersetuju untuk memilih reka bentuk Gowind daripada Perancis, itu saya tidak dapat memberikan sebagai ulasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Memang berkenaan dengan keputusan kerajaan, saya faham BNS tidak dapat memberikan ulasan tetapi kenapa pihak BNS *insists* ataupun tetap hendak mencadangkan dan juga hendak *proceed* dengan reka bentuk Gowind bertentangan dengan kehendak *customer* dan juga pengguna dia iaitu TLDM. *So, I think that is a key issue* kerana dari keterangan yang diberikan pada mulanya kerajaan menentukan untuk mengambil Gowind lepas itu TLDM minta – TLDM kata nak SIGMA so kerajaan pun kata okey, *end user* so kita bagi SIGMA dan lepas itu menurut saksi-saksi yang hadir dikatakan bahawa BNS telah pun berjaya untuk mendapatkan satu kata putus akhir dari Menteri untuk penggunaan Gowind dalam isu ini.

So, sekiranya Ingenieur. tidak dapat jawab mungkin siapa dalam BNS yang boleh membantu kita dalam isu ini. I think this is a very important issue, this is a very key thing in this whole case. TLDM had been complaining about this.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Tuan Pengerusi, saya kalau boleh tidak mahu menjadi spekulatif dalam aspek ini. Akan tetapi daripada segi apa yang saya baca daripada rekod-rekod dan dokumentasi yang ada, pertimbangan pihak BNS di dalam mencadangkan reka bentuk daripada Perancis mengambil kira hubungan strategik sedia ada di antara pihak BNS, TLDM dan juga DCNS *back then..* atau sekarang ini Naval Group di dalam perolehan kapal selam TLDM atau Scorpene di mana kapal selam Scorpene TLDM itu juga direka bentuk dan dibina oleh syarikat Perancis yang sama ini. Jadi sebagai salah satu pertimbangan strategik, mengambil kira hubungan kerjasama strategik yang telah sedia ada terjalin dengan itu pihak Boustead telah mencadangkan agar reka bentuk daripada syarikat yang sama ini dipertimbangkan oleh pihak kerajaan yang di mana akhirnya pihak kerajaan telah bersetuju atas cadangan balas daripada Boustead tersebut.

Saya hendak *clarify* – itu adalah pengamatan saya dari segi apa yang saya telah baca daripada dokumen-dokumen sedia ada dalam Boustead. Saya rasa saya tak boleh nak kata secara muktamad *because* saya tidak terlibat dalam fasa pemilihan dan cadangan tersebut di pihak Boustead *never* siap..... pada masa tersebut Yang Berhormat. *I just still want to clarify myself, thank you.*

Tuan Pengerusi: *Okay, duly noted.* Sila teruskan. Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta maaf saya lewat ada mesyuarat tadi. Saya hendak tanya dari segi alasan, mungkin dah dijawab sebelum ini ataupun tidak. Akan tetapi alasan di sini di letak *“No LCS has been paid in full”*. Adakah ini sesuatu kelaziman dalam mana-mana projek berskala sebesar ini, *meaning that it is an acceptable response*, mungkin kami – *because* kami sedang audit dan sudah tentu projek ini bermasalah dalam jangka masa yang sangat panjang. Akan tetapi untuk memahami sedikit latar belakang sedikit bila disebut kerana tak bayar penuh maka itulah alasan yang paling kukuh bagi syarikat untuk tidak menyiapkan dan sebagainya bukan masalah-masalah lain yang berkait. *Maybe can give some commentary?*

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Terima kasih Yang Berhormat Puan. Okey, daripada segi norma apa yang dipraktikkan di dalam industri pembinaan kapal ini adalah satu yang lazim dan biasa. Kita boleh rujuk struktur-struktur kontrak ataupun pembinaan kapal yang sedia ada daripada syarikat-syarikat antarabangsa yang lain. So, itu adalah satu yang kita kata sebagai satu norma yang biasa di mana perkara asas yang saya perjelaskan tadi Yang Berhormat Puan ialah proses pembinaan kapal tentera laut ini adalah satu proses yang melibatkan *design customization*.

Oleh sebab ada elemen *design customization* itu, ia perlu melalui fasa reka bentuk yang saya nyatakan tadi sebagai elemen global di mana ia perlu diselesaikan dahulu dan dipersetujui secara bersama dengan pihak pengguna sebelum fasa pembuatan kapal itu dilaksanakan atau dimulakan. So, itu yang akhirnya membuatkan ia berfasa terkemudian dan pembayarannya juga distrukturkan berdasarkan penyiapan elemen-elemen bermula elemen pertama reka bentuk.

■1200

Selepas reka bentuk siap dan baru kita masuk ke fasa pembuatan. Setiap pembuatan juga mengikut kemajuan setiap kapal itu. Kalau Yang Berhormat Permatang Pauh tengok, kita membuat kapal secara serentak, di mana lima kapal telah berada di Limbongan dan setiap pembayaran itu adalah khusus berlandaskan kemajuan pembinaan setiap kapal tersebut. Justeru, kalau katakan kita *tag* untuk pembayaran kapal untuk Kapal Tamarin Samudera (TAMU) RM1.4 bilion, kerajaan

dari segi pembayaran punya jadual, tidak lagi membayar sampai RM1.4 bilion untuk sampai kepada fasa di mana kapal seharusnya siap.

Itu adalah tujuan ataupun objektif yang cuba kita sampaikan di sini, bukannya kita nyatakan secara *you know*, kita hendak menempelak kerajaan ataupun menempelak pihak kementerian, oh *you* tidak bayar lagi kenapa hendak bising-bising, hendak minta kapal. Bukan. Kita cuma menjelaskan bagaimana struktur kontrak itu dibuat berdasarkan norma dan terma-terma pembuatan kapal yang berlandaskan standard antarabangsa. Itu sahaja, Yang Berhormat Permatang Pauh, ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Baik, terima kasih. *Okay, thanks.*

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Saya harap penjelasan saya itu jelas. Okey.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Lumut. Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Encik Ir. Azhar bin Jumaat. Mengenai hujah untuk kita mengubah *design* kapal tadi itu, dikaitkan dengan syarikat yang telah membuat, membina dan *deliver* Scorpene, ya? Begitu, ya?

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Saya hendak tanya, Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) ada kaitan kah dengan pembuatan Scorpene *at any point?*

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: BNS tiada kaitan secara langsung tetapi BNS mempunyai kepentingan dan kaitan melalui Boustead Heavy Industries Corporation Berhad yang mempunyai kepentingan di dalam Boustead DCNS Naval Shipyard Corporation Sdn. Bhd. (BDNC). Itu syarikat yang melaksanakan perkhidmatan selenggaraan kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Sepanggar, Kota Kinabalu, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Dari segi pembuatan dahulu memang BNS —

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: BNS tidak terlibat tetapi ada juga beberapa keanggotaan BNS dahulu yang juga yang terlibat sama lagi latihan dan juga proses teknologi dan juga pencerahan atau *exposure*-lah, Yang Berhormat Lumut.

Tuan Pengerusi: Okey —

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Saya rasa, Tuan Pengerusi, ini akan menambah banyak soalan daripada jawapan ini.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Akan tetapi, tidak mengapalah. Kita *reserve* dahulu.

Tuan Pengerusi: Okey. Dalam keterangan yang diberikan oleh Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar, beliau ada menyatakan bahawa selain daripada pemilihan reka bentuk Gowind, so dalam proses pembinaan dan juga pemilihan *equipment* yang ada, ada pada suatu ketika TLDM telah pun mengemukakan 17 *main equipment system* yang mana hanya 10 dipersetujui dan tujuh lagi tidak dipersetujui oleh BNS.

So saya hendak dapatkan penjelasan daripada BNS sama ada boleh memberikan maklumat ataupun pandangan atau pendirian BNS dalam kenyataan yang dinyatakan oleh Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar ini, dan juga soalan yang berkaitan adalah sepanjang pengalaman BNS mengendalikan projek-projek sebegini, dalam pemilihan biarpun reka bentuk ataupun *equipment* dalam projek, sama ada merupakan satu norma ataupun praktis dari BNS untuk mengadakan perbincangan dengan *end user*, dalam kes ini TLDM, berkenaan dengan pandangan mereka?

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Untuk soalan yang bahagian pertama itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya cuba untuk menjawab bagi pemahaman saya, ya. Daripada 17 senarai peraturan utama yang dicadangkan oleh pihak pengguna yakni TLDM, hanya 10 sahaja yang dipersetujui dan diterima. Manakala, tujuh lagi dibuat cadangan balas oleh syarikat BNS. Betul, perkara itu terjadi. Akan tetapi, *end up* pada pandangan ataupun pemahaman pihak syarikat ialah itu adalah satu cadangan daripada pihak pengguna melihat kepada keupayaan dan keperluan operasi.

BNS juga telah membuat cadangan balas berdasarkan spesifikasi, *complexity or technical* dan juga mungkin banyak lebih kepada kepentingan komersil, harga ataupun *business*, perniagaan punya kepentingan yang telah dibuat cadangan balas kepada pihak saya — *supposed* ini kepada pihak Kementerian Pertahanan sebagai *process owner*. Justeru, satu aspek dimulakan di mana pengguna menyatakan cadangan dan juga hasrat mereka, apa yang mereka hendak. Satu elemen sebelah pihak syarikat BNS pula ialah membuat cadangan balas, *of course*, ianya adalah berlandaskan kepentingan pihak syarikat yang saya rasa mungkin lebih banyak *being driven by business* atau komersil punya *consideration*.

Jadi terpulanglah kepada pihak yang berwenang iaitu Kementerian Pertahanan untuk membuat kata putus, yang mana ini telah diputuskan dan telah dimaktubkan dalam kontrak. Justeru isu tersebut, saya melihat sebagai satu proses di mana rundingan, cadangan — cadangan balas antara kedua-dua pihak telah berlaku dan pihak pengguna telah menyatakan hasrat dan aspirasi mereka tetapi ia perlu diputuskan oleh pihak yang berwenang iaitu Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Kewangan, yang ini telah berlaku dan telah ditetapkan pada persetujuan satu komitmen kontrak. Justeru untuk ianya dibangkitkan sekarang ini,

bagi saya, yalah, kita perlu melihat ke depan. Daripada kita hendak melihat ke belakang balik, bagaimana benda itu terjadi dan kenapa timbul sebagai satu isu. So, itu pandangan jawapan pada pihak syarikat untuk soalan bahagian pertama daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Untuk soalan yang kedua, adakah sesuatu yang normal ataupun norma biasa untuk pihak syarikat berbincang ataupun cuba memahami akan hasrat apa yang dikehendaki oleh pihak pengguna? Bagi saya itu ialah satu norma yang memang dipraktikkan dan satu praktis yang sihat di mana pihak syarikat boleh memahami dengan lebih jelas, ya, tanpa melalui pihak ketiga, akan apa keperluan dan hasrat atau aspirasi pihak pengguna. Ini kerana pihak pengguna atau TLDM adalah mereka yang akan mengguna dan operasikan peralatan sistem ini di kapal kelak, bukannya orang lain.

Jadi keperluan dan hasrat yang diperlukan oleh pihak pengguna itu amat penting. Jadi bagi kami pihak BNS, ini ialah satu norma yang sepatutnya digalakkan dan diterima pakai untuk kita dapat memahami dengan lebih jelas, dengan lebih dekat, apa yang diperlukan oleh pihak pengguna. Namun, seperti yang telah kita lihat, setiap keperluan dan hasrat pihak pengguna itu tidak keseluruhan atau 100 peratusnya dipersetujui oleh pihak syarikat. Pihak syarikat telah membuat cadangan balas *for whatever reason driven by* pihak syarikat untuk membuat cadangan balas itu, saya tidak tahu. Akan tetapi, ia telah melalui proses itu. Proses cadang, cadangan balas, dipertimbangkan dan satu pihak berwenang yang membuat keputusan dan yang dimuktamadkan dalam bentuk kontrak. *We move on and continue and execute*. Itu sahaja, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ya. Jadi itu bagi saya satu proses yang telah berlangsung dan dimuktamadkan dalam bentuk kontrak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi. Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kluang?

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Encik Ir. Azhar bin Jumaat, jadi boleh saya katakan apa yang dijawab oleh Ir. Azhar bin Jumaat tadi adalah Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang bertanggungjawab ambil keputusan untuk pilihan sistem mana yang digunalah dalam projek ini?

■1210

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Saya tidak boleh mengiyakan atau menidakkan kenyataan tersebut, Yang Berhormat Kluang ya. Ini kerana saya percaya Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga mempunyai satu prosedur atau proses untuk membuat keputusan. Setiap keputusan beliau itu adalah berdasarkan cadangan ataupun nasihat daripada wakil daripada, *I suspect* Bahagian Perolehan, KSU yang akan memberikan nasihat dan pihak Yang Berhormat Menteri akan membuat keputusan berdasarkan nasihat dan juga cadangan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang lain.

Jadi, pihak BNS tidak dalam satu posisi yang boleh menyatakan ya, ia adalah satu keputusan oleh Yang Berhormat Menteri. Tidak. Ini kerana bagi kami, itu adalah proses dalaman oleh pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. So, boleh teruskan Ir. Azhar. Sila.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, berhubung dengan soalan lazim yang kedua. Cuba kita bayangkan, ya lah, soalan pertama ialah adakah BNS ini mampu ataupun berupaya untuk menghabiskan kerja-kerja reka bentuk ya. Untuk rekod, seperti yang telah kita laporkan kepada pasukan projek TLDM di Lumut, untuk proses reka bentuknya, ia menjurus kepada penghasilannya adalah *production drawing* iaitu lukisan pembuatan untuk *engineering* lah yang pada tahap ini ialah pada status 96 peratus *completion*.

Akan tetapi juga, saya jelaskan ini, ini adalah status 96 peratus yang telah disiapkan oleh pihak BNS. Ia masih perlu dihantar kepada pihak yang dipanggil *Design Authority Naval Group* yang mana Naval Group telah berhenti bekerja pada November 2019, lebih dua tahun yang lepas, yang mana mereka daripada 96 peratus yang telah disiapkan ini, mereka hanya membuat validasi, verifikasi dan meluluskan hanya pada tahap 82 peratus sahaja daripada 96 peratus tersebut. Jadi, kita telah siapkan 96 peratus tetapi daripada 96 peratus *production drawing* itu, hanya 82 peratus yang telah diluluskan oleh pihak Naval Group sebagai satu kuasa yang berwenang. Kenapakah ia tidak sampai 96 peratus? Ini kerana mereka telah memberhentikan kerja pada dua tahun yang lepas pada November 2019.

Untuk satu elemen kawalan mutu— fasal reka bentuk yang dihasilkan oleh syarikat BNS, ia adalah tertakluk kepada proses kelulusan verifikasi, validasi oleh satu badan antarabangsa yang berwenang yang *independent* iaitu Bureau Veritas, *a classification society* yang dinamakan dan dipilih oleh pihak kerajaan yang *also* ditetapkan dalam kontrak. Jadi, kita mempunyai pihak ketiga yang *independent*, berwenang dan diiktiraf di peringkat antarabangsa yang membuat *check and balance* dan memberikan suatu elemen kawalan mutu kepada hasil kerja yang dihasilkan oleh syarikat BNS. Jadi, hendak katakan pihak BNS ini tidak mampu untuk siapkan kerja itu, bagi saya, ia agak satu yang sukarlah berdasarkan kepada fakta dan juga apa yang telah dihasilkan oleh mereka.

Jadi, kami tidak ingin menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan ini daripada— cuma, kita meletakkan fakta dan juga proses sedia ada untuk pertimbangan lebih objektif kepada Jawatankuasa ini, Tuan Pengerusi. Itu sahaja daripada saya, Yang Berhormat.

Okey, untuk soalan seterusnya, untuk soalan lazim yang lainlah, kita tunjukkan di sini ialah— ini adalah gambaran kapal daripada segi kita panggil zon-zon yang telah dibahagi-bahagikan dan kita nyatakan keseluruhan zon kapal ini lebih

kurang beberapa peratus lebihlah, sudah mencapai tahap 96 peratus siap daripada reka bentuk kecuali ada tiga zon yang berwarna kuning yang saya paparkan itu. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Ini kita letakkan sebagai keutamaan yang lebih rendah yang boleh kita lambatkan dahulu dengan mengambil kira sumber-sumber yang sedia ada. Ada sumber kewangan dan juga sumber manusia sedia ada. Bagi saya, ia tidak prioriti dan saya boleh buat kemudian. Akan tetapi, untuk elemen atau zon-zon yang penting, punya prioriti yang lebih tinggi, kita telah siapkan dan sedia untuk kita teruskan pembuatan. Cuma, ia tersangkut kerana kita sekarang ini mempunyai masalah aliran tunai untuk meneruskan projek, Tuan Pengerusi.

So, itu adalah satu jawapan atau penerangan daripada pihak syarikat untuk memperjelaskan soalan-soalan lazim yang sering dibangkitkan kepada kami Tuan Pengerusi. Terima kasih. Ada apa soalan daripada yang disebut?

Kalau tidak ada, saya teruskan pada soalan lazim yang ketiga ya. Adakah pertukaran peralatan yang telah berlaku menyebabkan kelewatan? Daripada ketetapan atau pendirian syarikat secara rasmi, kita katakan ya, ia mempunyai impak kepada proses reka bentuk dan pembuatan apabila keperluan pertukaran ini berlaku di pertengahan fasa projek. Kalau ia berlaku pada segi awal, ya lah, kita bolehlah cuba tangani dan cuba mitigasikan impaknya. Akan tetapi, seperti yang saya nyatakan dekat situ, secara puratanya, keperluan pertukaran itu dibangkitkan lebih kurang 45 bulan selepas fasa reka bentuk bermula. Jadi, ia salah satu yang tidak dapat dielakkan oleh pihak syarikat untuk membendung impak tersebut daripada segi elemen masa dan juga kos.

Juga, kalau kita tengok daripada segi fakta dan juga dokumentasi yang ada, untuk *variation order* pertukaran IPMS dan DLS, ini adalah satu soalan atau isu yang agak-agak sensitif yang panas dibincangkan. Akan tetapi, saya terarah untuk menjelaskan daripada segi forum ini, akan pendirian syarikat. Ini kerana ia satu fakta yang perlu diketengahkan dan dibangkitkan. Kalau tengok...

Tuan Pengerusi: IPMS itu apa ya, Ir. Azhar?

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Tuan Pengerusi, *Integrated Platform Management System* dan juga DLS ialah *Decoy Launching System* di mana pertukaran *variation order* tersebut diluluskan pada Januari 2019. Itu tiga bulan sebelum tarikh kapal pertama disiapkan. Ia adalah suatu yang tidak realistik atau wajar untuk kita menjangkakan kapal itu dapat disiapkan tiga bulan selepas *variation order* itu diluluskan.

Jadi, itu adalah satu kenyataan ataupun pendirian dan pernyataan daripada pihak syarikat. Bukan saya daripada segi individu ya. Saya diarahkan untuk menjelaskan perkara ini kerana kami perlu menjawab persoalan-persoalan yang

ditimbulkan kerana selama ini kita pun tidak pernah pergi kepada forum-forum terbuka untuk menjelaskan perkara ini kerana ia *very sensitive*.

Jadi, saya mohon objektiviti dan juga sensitiviti kepada semua dalam forum untuk melihatnya secara objektif. Bukan untuk saya hendak patah balik ke cerita belakang, ungkit balik sejarah-sejarah lalu tetapi ini adalah satu fakta yang perlu untuk saya daripada pihak syarikat register kepada forum, Tuan Pengerusi ya.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Berkenaan dengan VO, isu yang dibangkitkan oleh pihak BNS. Saya hendak tanya, sama ada kementerian ada apa-apa yang boleh membantu kita tidak? Mungkin Yang Berbahagia Datuk Ruji? Okey, Yang Berbahagia Datuk KSU.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat ya. *So, actually* dalam konteks VO ini, Tuan Pengerusi, ada empat perkara yang selalu disebut oleh pihak BNS lah apabila kita mengadakan perbincangan dengan mereka ya. Satu, mengenai *Surface to Surface Missile System (SSM)*, Tuan Pengerusi. Perkara tersebut telah selesai tetapi pihak kementerian memastikan bahawa benda itu tidak ada melibatkan kos ya. Kedua, mengenai IPMS dan DLS, Tuan Pengerusi. Perkara tersebut difahamkan oleh bahagian *team project*, daripada segi kosnya memang belum dapat di-*detail*-kan lagi, Tuan Pengerusi ya.

Mengenai *Revised Implementation Schedule*, *this is the term thing used by BNS* tetapi dalam konteks biasanya ialah EOT lah, seolah-olah apabila *reschedule*, kita ada EOT ya.

■1220

Jadi, Tuan Pengerusi kalau saya nak jawab ada dua, tiga perkara yang saya ingin sebut perkara berkaitan VO yang ini pun mungkin boleh disebutkan dengan VO. Mantan Menhan yang merupakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang pernah membangkitkan dalam satu sesi sama ada VO ini *contribute to the delay of the project*, semua pihak yang berada dalam *meeting* itu *silent*. Walau bagaimanapun saya telah membangkitkan perkara ini bahawa VO ini *yes it is an issue* tetapi bukanlah *contribute* kepada keseluruhan *delay project* ini. Itu yang pertama ya.

Kedua, tadi Encik Ir. Azhar ada sebut *there is no outstanding payment from MINDEF as far as government or MINDEF concerned we paid based on claim. Even last year we deducted the RM77 million because of audit* punya teguran kita kena *deduct*.

Ketiga, yang ini mungkin juga saya ingin sebut tadi ada disebut oleh sama ada Tuan Pengerusi ataupun MP Kluang apa *taskforce* punya hala tuju sekarang ini Dato' Sri KSU sudah sebut betul. *Actually*, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, *since 16 Jun* bila Dato' Sri KSU isu surat kepada pihak BNS *the due date is 15 September*.

So last few days and then we are ready untuk isu *notice of breach* based on keputusan kabinet pada 5 Mei 2021.

Kita *ready* itu pun langkah pertamanya tetapi seperti yang Dato' Sri KSU sebut tadi untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli mesyuarat kita masih lagi mengadakan perbincangan dengan BNS ini dan *we have to come out* dengan *something* ataupun *proposal* ataupun kabinet *paper* yang *workable*. Kita hendak tengok kapal ini boleh dilaksanakan dan *even* petang ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya ada *meeting I will chair one meeting* bersama dengan LTAT, BNS dan juga tim projek. *So almost every week I chair meeting* untuk hala tuju tetapi *based on* keputusan kabinet 5 Mei itu kita *ready even* pihak AGC pun sudah tengok draf notis *obliged* kita berdasarkan kepada keputusan 5 Mei.

But macam Dato' Sri KSU sebutkan tadi dari segi hala tuju *actually* Dato' Sri KSU dan MINDEF sudah *ready* untuk kabinet *paper* untuk angkat macam Encik Ir. Azhar sebut tadilah. Memang keupayaan untuk *raise RM4 billion* itu nampak tidak boleh pergi *that's why* kementerian masih berbincang dengan mereka dan *we have to come out* dan *propose something* yang *workable* Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Okey *I think that's all for the time being* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih. Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tadi terdengar daripada Encik Ir. Azhar bahawa kalau kita balik ke FAQ 2 ya, boleh balik ke FAQ 2 sebab isu FAQ 3 ini disebut di FAQ 2 di bawah itu ya. *Completion of detailed design was stalled by three measure equipment changes also that is the main reason* lah katanya *delay* ini dan yang menariknya disebut bahawa lagi tiga bulan kapal itu hendak siap, *delivery in April 2019, the VO came. So, I think* kalau kita fikir secara tidak rasional seolah-olah macam pengguna brutal sangatlah sudah tiga bulan lagi hendak siap baru datang VO.

So soalan saya, *at that point in time in January 2009 what was the percentage of the progress of that* kapal 1 kerana tiga bulan lagi dia sebut 3 bulan lagi hendak *commission* itu. *What was the percentage of that* kapal kerana masa itu VO belum masuk? Masuk sahaja pada Januari 2009, lagi tiga bulan hendak siap datang VO *and that is the cost of the delay* sampai 48 bulan. Jadi *what was the percentage actually so that* kita *clear*, *this is the main cause of delay of the project*. Dia sebut situ ya. *Can I have that information the percentage as of January 2009, thank you.*

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Saya tidak ada *on record that percentage* Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta ya. Akan tetapi ingin kita jelaskan ini pada Januari 2019 itu memang pihak BNS ataupun pasukan projek sedia maklum yang tidak mungkin kapal itu boleh disiapkan *by April 2019 even without the VO because* masa itu memang ada perubahan-perubahan yang masih lagi dalam perbincangan yang tidak

dimuktamadkan lagi. Kita juga tidak dapat meneruskan proses *detailed design* tersebut secara terus menerus. Sukacita juga saya hendak bangkitkan di sini untuk menarik perhatian Yang Berhormat semua ya.

Pada Januari 2018, jadi cadangan *variation proposal* daripada pihak syarikat, pihak syarikat telah memperakui kepincangan, kelemahan dan kekurangan yang ada pada pihak syarikat di dalam melaksanakan projek ini dan juga pihak syarikat telah mencadangkan *variation proposal* pada pihak KEMENTAH tanpa kos. Kos itu akan di-*absorb* oleh pihak syarikat cuma cadangan pihak syarikat ialah untuk kementerian meluluskan *extension of time because extension of time* memang tidak boleh ditampung oleh syarikat BNS. Kita minta masa itu 14 bulan, lapan bulan dengan enam bulan untuk tiga kapal yang pertama.

That one cadangan daripada BNS pada Januari 2018 tetapi tiada sebarang keputusan atau persetujuan dapat dicapai daripada cadangan tersebut hanya pada Januari 2019, setahun kemudian baru *variation order* dikeluarkan kepada kami untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Namun begitu *variation order* itu pun juga tidak jelas di mana dia kata *the variation order* ini diluluskan tetapi tidak muktamad. Tertakluk kepada proses pemuktamatan daripada Kementerian Kewangan agak *vague* lah untuk BNS meneruskan kerja.

Apa maksud telah diluluskan tetapi tidak muktamad? Jadi ini soalan-soalan yang saya sendiri tidak boleh jawab daripada segi untuk melaksanakan projek ini daripada peringkat pelaksanaan. Harap itu memberi sedikit penjelasan ataupun perspektif berbeza kepada Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta. Ya kita akui memang kapal itu tidak akan siap pada Januari 2019 *by* April 2019. Akan tetapi benda itu telah dibincangkan lebih awal dalam isu proses perubahan itu *even* dibangkitkan semenjak 2016 lagi.

So proses, bincang, negosiasi dan juga pemendapan ini berlangsung secara berterusan tanpa pengakhiran. Jadi kesukaran yang dihadapi oleh pihak syarikat ialah tiada *finalization* pemuktamatan kepada isu pertukaran peralatan itu jadi macam mana saya hendak siapkan reka bentuk. Kalau kata *you* tukar di *call launching system RPMS in January 2019* diluluskan tetapi tidak dimuktamadkan. Adakah saya sanggup untuk *continue* dengan proses reka bentuk dan peralatan baru dengan tahunya ia tak muktamad. Soalan saya kepada pihak KEMENTAH *back then* cakap adakah muktamad ini, adakah kemungkinan kita akan *review riva* balik kepada peraturan asal. Tidak ada sebarang jawapan yang jelas jadi macam mana pihak syarikat untuk meneruskan proses reka bentuk dengan ketidaktentuan seperti ini.

So, saya bukannya cuba untuk menuding jari kepada sesiapa tetapi itulah dilema dan juga kesukaran, *constraints* yang dihadapi oleh pihak syarikat berlandaskan fakta kejadian dan juga dokumentasi yang telah sedia ada.

■1230

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar : Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Ir. Azhar atas penjelasan. Saya hendak tanyakan dalam perbincangan yang melibatkan kedua-dua kerajaan dan juga syarikat, tidakkah disebut tentang implikasi kewangan, implikasi masalah-masalah lanjutan termasuklah kesan kepada persiapan ataupun *the completion of the vessels* sekiranya perbincangan ini tidak mengikut jadual tertentu. Ini kerana saya pasti ini bukan lah kiranya *equipment* pertama kita. Kita ada sejarah terdahulu. Kita ada pengalaman terdahulu. Akan tetapi, hendak tanya dari segi mungkin hendak memberi gambaran sedikit supaya kita dapat faham adakah perbincangan itu menyatakan memperincikan *these are the implications of delay* kalau berlakunya sebegini. *I don't know* kalau *legal department* boleh jelaskan kah apa.

Akan tetapi, saya rasa bagus juga kerana kami kena tulis laporan. Sekurang-kurangnya kami dapat faham dalam mesyuarat tersebut. *I'm sure there should be some warning, or you know certain key outcomes*. Kalau tidak dia akan jadi macam, contoh kita bincang di sini ada implikasi kewangan dia tetapi sekurang-kurangnya lebih kepada siasatan. Akan tetapi, kalau saya sedang berbincang benda yang melibatkan berbilion-bilion ringgit sudah tentu dia akan datang dengan kesan mudarat yang lebih besar. *I want to just get that from you*. Adakah ini berlaku? Terima kasih.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Ia berlaku Yang Berhormat Permatang Pauh. Di mana kalau kita tengok kepada apa yang saya paparkan pada skrin ini. Untuk pertukaran IPMS ini, kita telah majukan *feasibility study* kepada pasukan projek TLDM pada April 2017 selepas ia di-*mooted*-kan keperluan untuk pertukaran peralatan tersebut pada Disember 2016. *Feasibility study* ini telah menyatakan dengan jelas. Kalau ia dilaksanakan dalam masa tersebut ia mempunyai impak kelewatan pada kapal pertama sebanyak 12 bulan dan kapal kedua enam bulan. Itu adalah pada April 2017. Ia telah dinyatakan dengan jelas akan implikasi kelewatan masa. Akan tetapi, kita tidak *claim cost* pada masa tersebut.

Pada Januari 2018, saya majukan cadangan *variation* kepada pihak kerajaan dengan tanpa kos. Akan tetapi, kita naikkan impak masa itu kerana ia mengambil masa daripada April sampai ke Januari dalam proses berbincang, rujuk, *validate* dan semua di mana saya membuat persembahan kepada ibu pejabat TLDM di Kuala Lumpur dan kita nyatakan impaknya pada November 2017 tersebut ialah kapal

pertama 14 bulan, kapal kedua lapan bulan dan kapal ketiga dua bulan. Itu adalah amat konsisten dengan apa yang telah kita nyatakan melalui *feasibility study* yang telah kita majukan secara rasmi pada April 2017 tersebut. Jadi, bagi saya isu ia bukan satu yang tiba-tiba timbul secara mendadak dan tiba-tiba sahaja, tidak.

Harap penjelasan saya itu dapat menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Perkara yang sama juga kita lihat dari segi aspek pertukaran *Decoy Launching System* yang saya paparkan di slaid ini. Kita telah majukan *feasibility study* pada Februari 2016. *Way back* tahun 2016, menyatakan impak pertukaran *Decoy Launching System* akan menyebabkan kelewatan kapal pertama antara 12 hingga 14 bulan dengan kos sebanyak RM79 juta tambahan dan pihak BNS juga turut menekankan syarikat tidak *recommend*, tidak mencadangkan agar peralatan tersebut ditukar. Ini kerana ia akan memberi implikasi yang tinggi kepada projek. Akan tetapi, ia masa diteruskan di mana satu keperluan dinyatakan oleh pihak TLDM ialah untuk ia ditukar juga. Kita cuba untuk memberi penjelasan bagi satu bukan *warning* tetapi *some cautionary statement* kepada pihak pengguna, *you know*. Jika perkara-perkara ini ditukar ia akan mempunyai impak atau implikasi kepada projek.

Semua ini direkodkan dan kita mempunyai *the audit trailed for it*.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Dari MinDef Datuk Ruji, boleh secara *general* jelaskan kepada pihak PAC apakah pandangan pihak MinDef berkenaan dengan kenyataan ataupun pendirian dari BNS yang menyatakan *a lot of uncertainties* hasil daripada VO *there is no final decision* dan tidak ada keputusan muktamad *so that* yang menyebabkan projek tidak dapat berjalan dalam tempoh masa yang ditetapkan. *Anything to add from you* Datuk Ruji?

Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi: *Just a simple one* Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seperti yang saya sebut tadi ada empat perkara yang selalunya akan dijadikan oleh pihak — minta maaf lah ya Ir. Azhar. Dijadikan oleh pihak BNS sebagai alasan macam saya sebut tadi pernah dibangkitkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini tetapi kita nyatakan bahawa VOV81 disebutkan itu bukanlah penyebab kepada kelewatan dan bersama kami juga Yang Berhormat Tuan Pengerusi ini saya sebut tadi ada *team project* kalau hendak kata dari segi teknikalnya yang IPMS dan DLS ini tadi Ir. Azhar sebut tanpa kos ya.

Sebenarnya, ada *if I'm not mistaken* yang "A" itu sudah diluluskan tanpa sebarang kos tetapi yang IPMS dan DLS ini kita rujuk kepada MoF dan MoF rujuk kita balik dan difahamkan oleh *team project* dari segi detil dan justifikasi untuk tambahan kos untuk dua perkara ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC sebanyak RM400 juta lebih. Ini yang sukar untuk pihak MinDef untuk *justified*

dan berdasarkan yang *latest* punya status ini, ini perkara-perkara yang sepatutnya dibincangkan dari segi hala tuju nanti.

Jadi, sekali lagi saya tekankan Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, perkara ini pernah dibangkitkan sama ada VO ini penyebab utama kepada kelewatan dan pernah disebut sebelum ini, ini bukan penyebab utama. Ini adalah— *yes it is an issue* tetapi bukan penyebab utama dan perkara-perkara yang IPMS dan DLS ini memang kita kena *refer* ke MoF balik tetapi difahamkan oleh pegawai saya sebelum ini perkara ini MoF minta kita untuk angkat dari segi *new direction*-nya itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

So, itu komen awal saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Saya jemput Ir. Azhar untuk teruskan. FAQ empat ya.

Ir. Azhar bin Jumaat: Cuma yang saya hendak perjelaskan di sini Yang Berhormat sebelum saya pergi pada FAQ keempat ini. Memang pihak BNS akui tidak keseluruhan impak kos dan masa adalah menjurus kepada isu *variation order*. Seperti yang telah kita maklumkan kepada pihak Kementerian Pertahanan dan juga seperti yang telah saya bentangkan kepada *Parliament Select Committee* pada Februari 2020 tahun lepas, di mana pecahan impak kos itu telah kita bahagikan kepada seperti yang saya paparkan pada 19 Februari 2020. Kalau Yang Berhormat tengok *the slide* ini. [*Merujuk kepada slaid*]

Ia telah berlanjutan amat panjang dan lama. Kita berkisar kepada proses yang sama dan isu-isu yang sama. Juga, saya hadir di sini Yang Berhormat bukan *under capacity* sebagai saya peribadi Azhar bin Jumaat lah. Saya hanya mewakili arah tuju dan tetapan telah ditetapkan oleh pihak syarikat. So, saya mohon *that one* adalah jelas ya. Bukan untuk kepentingan peribadi saya sendiri dan hanya saya mengikut arahan dan menyatakan perkara-perkara ini. Kita menyatakan ya pada Januari 2018, kita telah memberi cadangan pada kerajaan kita akan *absorb the cost*, tanpa kos dan cuma kita minta kerajaan beri pertimbangan bagi *extension of time* kepada projek ini. Akan tetapi, tiada keputusan muktamad yang dapat dicapai berlanjutan pada Januari 2018 itu sehingga sekarang.

Jadi, komitmen atau tawaran *no cost* daripada pihak BNS itu tidak dapat kita penuhi. Ini kerana ia telah berlanjutan sehingga sekarang.

■ 1240

So, itulah isu yang cuba kami perjelaskan dan kami juga sekarang ini sedang melihat cara lain, *out of box kind of thinking* untuk melihat bagaimana untuk meneruskan hala tuju projek ini tanpa melihat kepada isu kos ini dibahagi-bahagikanlah siapa salah, siapa punya *portion* tak ada kerana ia akan tiada penghujung.

Justeru, kami telah memberi cadangan balas kepada pihak kementerian untuk pihak Boustead menyediakan dana tambahan itu secara sendiri melalui syarikat. Akan tetapi, cuma kita mohon pertimbangan daripada pihak kementerian dan kerajaan untuk memberi komitmen *future business* untuk kita *raise the financing* kata melalui sukuk atau bon pun, saya memerlukan suatu komitmen *future* kerja-kerja kontrak yang lain untuk ia dijadikan sebagai landasan kepada proses *financing* tersebut. So, kita dah lari atau cuba mengelakkan proses, *you know*, nak tengok VO, nak tengok siapa yang salah, siapa yang lebih kurang— ia tidak akan ada penghujungnya. Jadi, kami mahu melihat satu hala tuju yang *pragmatic, not objective*, untuk maju ke depan dan bergerak, Yang Berhormat.

Daripada aspek ketirisan, salah tadbir urus projek ini daripada pihak BNS, kita telah mengambil tindakan. Kita telah membuat forensik audit dan apa yang telah dihasilkan melalui forensik audit tersebut, kita telah membuatkan laporan secara rasmi kepada pihak SPRM pada September tahun lepas. Jadi, proses siasatan tersebut sedang berlangsung. Saya percaya ada wakil SPRM di sini ya. Ada ya? Jadi, untuk isu ketirisan, salah laku daripada pihak BNS, ia telah diambil tindakan dan sedang melalui proses *due process* sewajarnya untuk ia disiasat dan ditentukan tindakan selanjutnya daripada segi pihak syarikat, Yang Berhormat. Ia untuk memberikan komitmen yang kami mahu membetulkan keadaan dan untuk bergerak ke hadapan tanpa melihat kepada isu siapa salah, siapa yang tak buat kerja atau apa, tidak ada. Itu adalah hasrat kami, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Boleh saya tanya pandangan pihak KEMENTAH? Ini kerana pihak syarikat katanya mereka ada bangkit isu berkenaan VO tanpa kos ekstra pada Januari 2018, tetapi tak dapat apa-apa balasan dari KEMENTAH. Jadi, apa balasan dari KEMENTAH berkenaan perkara ini? Sama ada ketika itu ada keputusan lain atau pun ada pandangan lain iaitu tidak ada membalas tawaran mereka atau pun rasa tak setuju dengan tawaran itu? Terima kasih.

Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi: Minta izin Dato' Sri KSU ya. So, seperti yang Tuan Pengerusi sebut tadi, memang permohonan itu ada dibuat. Akan tetapi, macam saya sebut tadi, *still subject to MOF* punya kelulusan. Kedua-dua perkara itu pernah dikemukakan ke MOF, tetapi difahamkan MOF kembalikan kepada pihak MINDEF disebabkan justifikasi untuk mohon VO daripada segi kos yang saya sebut RM400 juta lebih tadi, Yang Berhormat Kluang. Jadi, yang itu *pending* sampailah keputusan mesyuarat— sebenarnya benda-benda VO ini kita akan perhalusi sekiranya hala tuju ada ya. Sekali lagi saya ingin tekankan kepada Tuan Pengerusi,

kita tak pernah keluarkan *work stop order* untuk projek ini ya. Projek ini tidak pernah *stop* pun. So, kita memang menunggu hala tuju macam Ir. Azhar sebut tadi. Daripada segi *direction*, kita *looking forward especially* bila kita akan bentang minit Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan datang ini. *Something* yang kita *proposed* kena *workable*.

Saya nak tambah, Tuan Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat. Dalam mesyuarat 18 Jun selepas mesyuarat 5 Mei 2021, MJM ada keputusan *and then* BNS datang balik dengan— yalah, mungkin keputusan 5 Jun itu tidak *workable*, dia datang balik pada 18 Jun 2021 dengan tiga perkara utama dia minta masa itu, Tuan Pengerusi. Satu, *right granted* untuk projek-projek yang akan datang. Kedua, *waive* LAD. Ketiga, mohon FLS *maintenance or full life support for 30 years*.

Akan tetapi, perkara tersebut telah dibincangkan antara Yang Berhormat mantan Menteri Pertahanan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan. *The meeting* sangat baik, tetapi keputusannya macam yang Dato' Sri KSU sebut tadi. Pada 18 Jun *meeting*, Boustead kemukakan surat kepada kita 22 Jun, kita kemukakan surat itu ke MOF 24 Jun, tetapi *reply* pada 29 Julai, MOF memutuskan untuk bawa dan *set due MJM, set new direction*.

Jadi, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Kluang, berkaitan dengan sama ada VO ini pernah dibalas atau tidak, apa yang saya dapat sebut setakat ini ialah perkara tersebut tidak dapat dimuktamadkan *because of cost* dan difahamkan, pihak *team project* dan BNS tak boleh *justify* pun kos itu, yang saya sebut tadi RM429 juta, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Boleh teruskan, Ir..

Ir. Azhar bin Jumaat: Okey. Soalan lazim yang keempat ini, Yang Berhormat, ialah masih lagi berkisar pada isu *variation order*. Bagi saya, saya mohonlah untuk ia tidak dibincangkan kerana ia banyak kepada isu sejarah dan legasi yang kita susah nak bincang. Saya lebih berhasrat mencadangkan kepada Yang Berhormat untuk memberi peluang kepada pihak kami untuk berbincang dengan pihak kementerian untuk mendapatkan satu hala tuju yang *workable*, seperti Yang Berbahagia Datuk Ruji *mentioned* tadi, untuk bergerak ke depan demi menyiapkan kapal ini untuk kepentingan negara daripada segi nak jurus kepada isu kontrak dan *technicality* dan proses kerjanya kerana ia akan satu proses *argument* yang tanpa kesudahanlah.

Tuan Pengerusi: Ir., dalam isu ini mungkin sekiranya Ir. ada satu penjelasan secara bertulis, boleh hantar terus kepada pihak sekretariatlah. Bolehkah?

Ir. Azhar bin Jumaat: Boleh. Saya menurut perintah sahaja. Kalau itu diarahkan oleh pihak komiti, kita akan akurlah, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih. Berkenaan dengan *cashflow*, kami difahamkan bahawa memang dalam projek LCS ini, pihak BNS ada hutang kepada pembekal-pembekal atau pun vendor-vendor yang membekalkan *equipment* dan juga *machinery* dan sebagainya. Itu juga menyebabkan bahawa kelewatan dalam penyiapan projek ini. Boleh tak Ir. Azhar bantu untuk huraikan berkenaan dengan isu ini?

Ir. Azhar bin Jumaat: Okey. Untuk keperluan projek ini, kita mempunyai isu pembayaran terbengkalai kepada kerja-kerja atau pun order yang telah kita buat kepada pihak pembuat peralatan asal. *I think*, sedia maklum, kita nyatakan untuk rekod, hutang itu lebih kurang dalam RM800 juta, Yang Berhormat ya, kepada pihak pembekal.

Kenapa ia terjadi demikian ialah ia untuk membolehkan proses pembuatan kapal ini dilaksanakan kerana ia tidak tertumpu pada kapal satu dan dua sahaja. Ia untuk satu sampai enam. Ada juga peralatan untuk kapal keenam pun yang telah kita order dan juga dalam proses pembuatan. So, ia menyumbang kepada kos-kos yang kita panggil telah *incurred* atau pun *already have been to recognize in our accounting and already being invoiced to us by the OEM*. Jadi, isu ini menjurus kepada kekangan aliran tunai projeklah.

Di samping itu juga, kita juga akui isu pengurusan kewangan yang tidak cekap atau pun tidak dibuat *proper check and balance* oleh pihak syarikat yang mengalami ketirisan, yang kita cakap *cost overrun* dalam RM1 bilion yang lepas di mana ia telah dirujuk kepada satu proses *audit forensic* dan perkara ini telah dilaporkan kepada pihak SPRM.

■1250

Jadi, itu adalah tindakan dalaman pihak syarikat untuk menangani isu-isu yang telah timbul dari segi ketirisan dan ketidakaturan *governance*, tadbir urus daripada pihak syarikat. Pokok pangkalnya ada isu ketirisan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih. Ada soalan lain? Ada Yang Berhormat Lumut?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Ir. Kita tidak berpeluang lagi – belum berpeluang membuat lawatan kerja ya ke *shipyard* ini ya seperti yang kita rancang dulu Dato' KSU ya. Bas pun kita dah tempah hari itu tetapi...[*Ketawa*] Gurau. Jadi kita tidak dapat lagi melihat. Cuma saya di awal *term* saya di Lumut ini saya pernah dibawa Encik Ir. Azhar ya.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat Datuk pernah datang.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Untuk membuat satu kunjungan sebagai Ahli Parlimen ke tempat tersebut. Ketika itu pun kita dimaklumkan ada kelewatan. Cuma ditunjukkan juga peralatan-peralatan yang telah dipesan, yang

sudah pun tiba sebahagiannya di *shipyard* tersebut walaupun proses pembinaan adalah terlewat.

Jadi, saya ingin bertanya memang adakah ini prosedur biasa mungkin dalam konteks pembinaan enam kapal ini ianya terpakai. Akan tetapi oleh sebab kita sudah mengesan kelewatan itu daripada awal, tidakkah boleh ada suatu persediaan ataupun *contingency plan* kita bagi mengelakkan contohnya adanya semua peralatan yang telah dipesan untuk kapal-kapal enam biji ini berada di *shipyard* kita berada dalam keadaan tempoh masa yang begitu panjang dengan penjagaan-penjagaannya yang mungkin menjejaskan kualiti. Ada yang terletak di luar, mungkin tarikh – dia ada tarikh luputnya ataupun bagaimana. Jadi adakah prosedur yang kita buat ini suatu perkara yang telah difikirkan dengan baik?

Apakah langkah-langkah bagi – kerana kita pun tidak tahu berapa lama. Kita pun belum tanya kepada soalan *when is the next expectation* kita *due date for delivery* ini. Jadi dalam tempoh ini kalau disebutkan tadi OEM terus membuat peralatan, terus mengilang ataupun menyediakan, jadi tidak dapatkah kita membuat satu persediaan bagaimana hendak mengelakkan daripada pembaziran ini walaupun kalau kita *delay*-kan mungkin kos pula meningkat dalam pembuatan. Itu kita ambil kira. Jadi, adakah kita buat persediaan-persediaan tersebut untuk mengurangkan segala kerugian kita. Terima kasih.

Encik Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, sebagai beberapa langkah mitigasi yang telah kami laksanakan Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, kita telah berunding dan berbincang dengan pihak pembekal di mana untuk peralatan-peralatan yang belum sampai ataupun dalam proses pembuatan untuknya ditangguhkan ataupun disimpan dahulu di pihak premis syarikat.

Jelasnya perkara ini mempunyai empat kos *because* syarikat menyatakan kebanyakan peralatan-peralatan yang berkaitan dengan kapal perang ini ia mempunyai *lead time* yang amat panjang. Sebagai contoh untuk enjin kapal perang ini proses pembuatannya mengambil masa 20 bulan. Jadi, kalau kita hendak order untuk siap kapal satu punya enjin itu sampai, saya kena order lebih kurang 26 bulan sebelum saya *aspect* peralatan itu sampai di Lumut.

Jadi, mereka telah membuat proses pembuatan ini secara berterusan mengikut jadual asal projek. Untuk mereka menanggung proses pembuatan itu untuk kapal-kapal yang terkemudian, untuk kapal lima dan enam misalannya ia bukannya satu perkara yang mudah kerana mereka tidak boleh kata “*Oh, enjin kapal untuk Malaysia ini dia hendak jual pula kepada pihak pengguna yang lain,*” kerana ianya bukan satu yang kata generik. *It is very specific and specialized.* Jadi, itu adalah sesuatu kekangan-kekangan yang kita hadapi dari segi keunikan membuat kapal perang ini. Ianya bukanlah suatu yang *you know* sesuatu yang *common*.

Jadi, ianya menyumbang kepada isu untuk kita menangani isu *preservation*. Untuk kalau yang sudah sampai itu saya hendak kena buat proses pengawetan. Kalau sudah lebih setahun dalam kotak hendak kena *check*, hendak kena buka. Akan tetapi kalau kita hendak kena *check* dan buka dia akan *void warranty*.

Jadi, ialah proses mitigasi dan juga langkah-langkah kawalan itu bukanlah sesuatu yang *straight forward* Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta. Jadi, ianya memerlukan satu hala tuju yang jelas. Okey, kita hendak *move, this is the ini then move. Then*, baru kita boleh bergerak ke arah tersebut. Akan tetapi dalam masa yang sama ialah hendak bergerak ataupun tidak mahu bergerak, hendak bergerak enam biji atau bergerak dua biji, hendak buat sekali harung atau hendak buat dua dulu ke. Jadi ini adalah soalan-soalan yang banyak perlu kami pertimbangkan di bawah untuk bagaimana menangani isu-isu seperti ini.

Kalau semuanya *sing and dancing of course* senang saja mengikut jadual asal kita. Akan tetapi kita mempunyai isu kelewatan dan ianya menyumbang kepada keadaan-keadaan seperti yang saya jelaskan tadi Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta. Tidak ada, saya boleh kata kita berjaya untuk menangani masalah ini. Ianya banyak variabel-variabel ataupun ketidaktentuan elemen yang bergantung kepada hala tuju kita buat masa ini Yang Berhormat. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Low Kok Chiang [Ketua Pegawai Operasi]: Tuan Pengerusi, tuantuan dan puan-puan, Dato' Seri, Dato'. *My name is KC Low. Allow me to speak in English.* Minta maaf. Saya punya bahasa 7C or five in SPM.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Tuan Low Kok Chiang [Ketua Pegawai Operasi]: Saya kerja di *Singapore* 20 tahun tetapi minta maaf ya. *Sorry. Just got back to Malaysia to work for the last one year plus. Just to answer some of the Yang Berhormat's questions. Just now you all mentioned* kami hutang *bank loan* kepada *contractor suppliers* tetapi yang penting sekali kami hutang bank sedikit *loan* yang sekarang kami masih bayar.

Kami dapat *scheme of arrangement early this year* untuk menghalang vendor pergi *court* untuk buat kami macam PN17. *If I used the word Chapter 11. Sorry, it's a simple term. But we go for scheme arrangement* untuk bagi vendor-vendor dan subkontraktor beratur untuk mendapatkan duit kamu *while we are waiting for the decisions to be made.*

Inilah yang masalah *like what Captain Azhar said we are in the situation that a chicken and egg counting. If the government doesn't make the decision, the bank doesn't feel comfortable, and the bank will just continue exert interest on us. Moratorium* tidak bantu, minta maaf. Bulan ini saya baru bayar *RM3.2 million. This*

coming 28th I have another RM3.5 million interest to be paid. Coming November RM4.2 million I need to pay.

Minta maaf saya kena jawab sebab saya *this year* saya dapat dua projek daripada *government*. KD Ledang dan KD Kasturi untuk membuat kerja – untuk *cashflow*. *Sorry* minta maaf saya guna *cashflow*, minta maaf. Untuk buat kerja saya kena bayar DG lima peratus, *five percent*. Oleh sebab bank sudah tengok kami tidak jadi lagi. Saya pergi bank minta maaf *RM2.5 million DG please put cash RM2.5 million* masuk dalam untuk saya buat kerja. Ini duit dari mana? Minta maaf saya guna KD Ledang punya *money* untuk bayar KD Kasturi.

■1300

So, this month saya dapat KD Ledang *RM6.8 million*. *I need to tell the truth. I didn't pay the contractor. I didn't pay the supplier.* Saya bayar bank sebab bila saya tidak bayar bank, Boustead Holding ada masalah. BHIC ada masalah. *Because we had the agreement that there was a gross default.* Satu BNS tak *perform*, semua orang kena sama-sama. *So, sorry* ya minta maaf. Saya kena cakap sebab tiap-tiap hari kontraktor dari Lumut, Sitiawan, semua panggil saya. Kuala Lumpur pun panggil saya. *Sir, bila boleh bayar? Last payment to them was six months ago, ten months ago.*

Memang mereka ada masalah sebab mereka pun hendak bayar gaji pekerja mereka. Sama dengan Boustead. Saya pun hendak bayar gaji kepada pekerja. Kami sudah satu bulan tidak dapat gaji tetapi yang ada masalah lagi banyak. Yang lagi satu ialah Yang Berhormat tadi tanya *what happened to the equipment in the yard now? By this month, last month, security* sudah keluar. Saya ada empat *security guards* yang jaga LCS 1 dan LCS 2 sebab kami sudah tujuh lapan bulan tidak bayar dia. Silent Guardian Sdn. Bhd. dia hendak keluar.

Preservation, saya ada satu kontraktor buat macam *sanitization*, dia bubuh tidak mahu jangan bagi tikus masuk, anai-anai. *So*, itu kontraktor *this one* pun hendak berhenti. *So*, saya guna pekerja sendiri untuk buat. Kami sekarang situasi yang kalau tidak ada *decision*, bank sentiasa akan panggil kami bayar *interest*. Moratorium kami *apply*, dia tidak bagi. Dia memang tidak bagi. *So, working capital* tidak ada, *so* hendak jalan depan kontraktor *like tell us "can you pay me advance payment first. I know your company is not doing good"*, *so RM5.4 million* untuk KD Kasturi dan KD Ledang.

Saya tengok belakang, kontraktor – bila boleh bayar saya? *So, this year actually we are 30 years, 30 tahun* cukai tanah *the leasehold expired, RM2.7 million* sudah *invoiced us* pun tidak bayar. *Sorry*. TNB juga RM700 ribu, kami tiap-tiap bulan bayar RM100 sahaja. *So, interest is coming to us.* Minta maaf, *sorry*. Saya hendak bagi tahu yang *I know, investigation is on going but one thing for sure, LCS is hurting*

LMS is hurting MRO project yang sudah di shipyard. So, I think that I want to summarize, minta maaf. So, thank you. Thank you.

Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi: Tuan Pengerusi, hendak tambah.

Tuan Pengerusi: Ya, Datuk.

Datuk Hj. Rubi bin Hj. Ubi: *Under BNS, besides the LCS dia ada dua projek lain. LMS. The third one baru sampai Sepanggar, akan launch some time in mid of October. Satu lagi refit kapal selam. So, bila sebut BNS ini, actually, it is not only the LCS project. They got LMS, they also got refit. So, refit I think RM20 to RM30 over million juga per ship kan?*

